

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 (28)

5 Jun 2025
8 Zulhijah 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 26/2025

PANDUAN PENGURUSAN STAF BERMASALAH DAN BERPRESTASI RENDAH DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 8/ 2025 bertarikh 14 Mei 2025 telah meluluskan Panduan Pengurusan Staf Bermasalah Dan Berprestasi Rendah Di Universiti Teknologi Malaysia.

2. Panduan Pengurusan Staf Bermasalah dan Berprestasi Rendah telah dibangunkan bagi membantu Ketua Jabatan dan Pihak Pengurusan dalam mengenal pasti, menangani serta mengurus isu-isu berkaitan staf secara lebih sistematik, beretika dan berkesan. Panduan ini turut menjadi nilai tambah kepada mekanisme pengurusan kes rujukan pegawai yang seragam, berstruktur dan berlandaskan pendekatan multi-disiplin melalui pelaksanaan intervensi yang komprehensif.

3. Turut dimuatkan di dalam panduan ini juga adalah keperluan pengwujudan Panel Penilai Lembaga Perubatan (PPLP) di peringkat Universiti bagi menyelaraskan dan menilai permohonan penubuhan Lembaga Perubatan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Kesihatan Negeri. Penubuhan PPLP ini penting bagi memastikan setiap permohonan telah melalui semakan yang teliti, dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat telah melaksanakan tindakan yang sewajarnya sebelum proses diteruskan ke peringkat seterusnya.

4. Kandungan utama yang terdapat di dalam Panduan Pengurusan Staf Bermasalah dan Berprestasi Rendah ini merangkumi:

- 4.1 Peranan Pegawai Yang Bertanggungjawab
- 4.2 Pengurusan Staf Bermasalah & Berprestasi Rendah
 - 4.1.1 Pelaksanaan Pengurusan Staf Bermasalah
 - 4.1.2 Pelaksanaan Pengurusan Staf Berprestasi Rendah
- 4.2 Jawatankuasa atau Panel Dalam Pelaksanaan Pengurusan Staf Bermasalah & Berprestasi Rendah


5. Sehubungan itu, Ketua PTJ dan pihak pengurusan jabatan diminta untuk mengambil maklum mengenai Panduan Pengurusan Staf Bermasalah dan Berprestasi Rendah serta menjadikan panduan ini sebagai rujukan utama dalam pengurusan staf bermasalah dan berprestasi rendah, selaras dengan usaha memperkukuh budaya kerja cemerlang dan persekitaran kerja yang sihat. Panduan ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2025 dan boleh dimuat turun melalui Laman Web Rasmi Jabatan Pendaftar UTM.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah